



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN LALUAN TAMBAHAN BERBENTUK PUSINGAN-U BERTINGKAT DI PERSIMPANGAN KEWAJIPAN, DI KM37.5 LEBUH RAYA SHAH ALAM

Pembukaan Pusingan-U Bertingkat di Persimpangan Kewajipan, di KM37.5 Lebuhraya Shah Alam akan membantu menyelesaikan kesesakan yang dihadapi oleh penduduk Subang Jaya dan kawasan persekitaran terutamanya pada waktu puncak. Pusingan-U Bertingkat ini dapat membantu menyuraikan kesesakan trafik di Persimpangan Bertingkat Kewajipan, Lebuhraya Shah Alam dan seterusnya melancarkan aliran trafik di kawasan tersebut.

Projek ini yang telah dimulakan pembinaannya pada 26 November 2012 dengan kos sebanyak RM23.5 juta telah siap sepenuhnya dalam tempoh 16 bulan, akan boleh digunakan oleh para pengguna mulai 24 April 2014. Pembinaan Pusingan-U Bertingkat ini adalah atas keprihatinan Kerajaan terhadap masalah kesesakan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sekitar Subang Jaya, USJ dan Bandar Sunway.

Pihak Kerajaan juga menghargai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat Sunway South Quay Sdn. Bhd. yang telah membina *ramp* masuk dan *ramp* keluar di KM39.5 Lebuhraya Shah Alam dengan tanggungan sendiri yang bertindak sebagai jalan penyurai tambahan untuk penduduk persekitaran.

Pembinaan Pusingan-U Bertingkat ini diharap akan meningkatkan keselesaan kepada pengguna lebuhraya serta memberi manfaat kepada penduduk sekitar Subang Jaya, USJ dan Bandar Sunway.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
24 April 2014

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kk.gov.my